



# BUKTI HANG TUAH BUKAN DONGENGAN

DR Hashim bersama Dr Rohaidah menunjukkan buku mengenai Hang Tuah.



■ Pengkaji menemui dalam buku 'Notes of Leonardo da Vinci' dan dokumen rasmi Rekidai Hoan di Jepun

Syazwan Msar  
mohdsyazwan@hmetro.com.my

**M**anuskrif Hang Tuah menjadi rujukan dalam membuktikan pahlawan itu benar-benar wujud dan pernah mengembara hampir ke seluruh dunia dalam mencari ilmu selain sebagai duta kepada kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Ironinya, manuskrip berkenaan kemungkinan masih disimpan di negara tertentu dan kemungkinan banyak lagi bahan sejarah berkenaan yang belum ditemui sehingga kini.

Pengkaji sejarah negara memerlukan ketekunan dalam mencari, mengkaji dan menafsir manuskrip

berkenaan untuk tatapan generasi akan datang, sekaligus menyangkal dakwaan bahawa kewujudan Hang Tuah hanya dongeng semata-mata.

Catatan di dalam buku 'Notes of Leonardo da Vinci' mengenai pertemuan antara Da Vinci, pelukis potret tersohor Mona Lisa, dengan Hang Tuah antara 1503 hingga 1506 memberi sinar dalam mencari titik noktah kepada kewujudan pahlawan itu.

Dalam catatan itu, lapor akhbar itu lagi, da Vinci menulis: "Saya melukis kenderaan selepas berjumpa dengan orang kaya Melaka," dan perkataan selepas itu tidak jelas sama ada disebut laksana atau Hang Tuah.

Penemuan terbaru itu

didedahkan Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Rohaidah Kamaruddin.

Profesor Linguistik Melayu dari fakulti sama, Prof Emeritus Dr Hashim Musa pula dilaporkan berkata, surat tulisan Hang Tuah kepada Maharaja Ryukyu di Jepun pada abad ke-15 ditemui dalam dokumen rasmi Rekidai Hoan.

Hashim yang bertugas di jabatan yang sama di UPM berkata, surat itu ditulis Hang Tuah bagi pihak Sultan Melaka Sultan Alauddin Riayat Shah.

Beliau mendapati surat pahlawan terbilang

>>Manuskrip, menceritakan Hang Tuah sebagai wakil sultan, datang ke Istanbul, Turki ketika pemerintahan Sultan Muhammad Al Fateh

19-04-2016



DAFTAR DIRI HANG TUAH  
 HANG TUAH BIN HANG MAHMUD + DANG MERDUWATI (Ibuanya)

DAFTAR DIRI HANG TUAH  
 HANG TUAH BIN HANG MAHMUD + DANG MERDUWATI (Ibuanya)



LARSAMANA TUN TUAH atau RIAI TUAH adalah HANG TUAH BIN HANG MAHMUD + DANG MERDUWATI (Ibuanya)

## PETA PERJALANAN HANG TUAH



itu bertarikh 11 April 1480 melalui kajian yang dilakukannya bersama Rohaidah di Ryukyu (kini dikenali sebagai Okinawa).

“Dokumen Rekidai Hoan itu dalam bahasa Cina yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Atushu Kobata dan Mitsugi Matsada, ia diterbitkan pada 1969,” katanya.

Pasukan penyelidikan UPM yang diketuai Dr Rohaidah juga bercadang meneruskan kajian ke Istanbul, Turki untuk membuat kajian manuskrip pahlawan Melayu itu yang tersimpan di negara

berkenaan.

“Saya difahamkan tiada pihak terutama pengkaji sejarah melihat seterusnya mengkaji manuskrip berkenaan walaupun ia diceritakan dalam Hikayat Hang Tuah.


“Manuskrip itu menceritakan mengenai Hang Tuah sebagai wakil sultan datang ke negara itu ketika pemerintahan Uthmaniyah iaitu Sultan Muhammad Al Fateh.

“Malah, ada juga bukti yang mengatakan anak perempuan Sultan Muhamad Al Fateh berkahwin dengan Sultan Alaudin

bagi memperkukuhkan hubungan kedua-dua kerajaan,” katanya.

Rohaidah sebelum ini ke Goa, India untuk meninjau sendiri beberapa artifak milik Kesultanan Melayu Melaka yang dibawa Portugis selepas menewaskan kerajaan Melayu itu.

Laksamana Hang Tuah sudah membuktikan kehadirannya di India menerusi penemuan manuskrip yang terdapat di Srivijaya yang menceritakan kehebatan pahlawan itu menjinakkan kuda milik Raja Malika Arjuna Raya pada 1424.



MANUSKRIP mengenai Hang Tuah yang disimpan di Perpustakaan Negara.

**“Catatan di dalam buku ‘Notes of Leonardo da Vinci’ mengenai pertemuan antara Da Vinci, pelukis potret tersohor Mona Lisa, dengan Hang Tuah antara 1503 hingga 1506 memberi sinar dalam mencari titik noktah kepada kewujudan pahlawan itu.**

Dr Rohaidah